

Untuk jaya Ekonomi Baru

Mahathir gesa

rakyat pupuk

sikap baru

14 - 4 SEP 1979

TIMBALAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad malam ini menyeru seluruh rakyat Malaysia memupuk dan menanam nilai baru, sikap baru serta semangat baru untuk menjayakan Dasar Ekonomi Baru.

Berucap di Malam Muhibbah Antarabangsa anjuran MCA di sini, Timbalan Perdana Menteri berkata beliau bimbang, "sekali pun kita boleh mencapai segala hasil dari perkembangan ekonomi, kita mungkin tidak akan mendapat pencapaian yang baik

jika gagal menanam nilai-nilai baru itu yang membawa makna kepada kewujudan kita serta nilai moral kepada apa juga meterial yang telah diperolehi."

Katanya, inti Dasar Ekonomi Baru ialah aspek kuantiti pembangunan tetapi ia telah hampir dilupakan sekarang.

Beliau berpendapat pengabaian kepada aspek kuantiti pembangunan dalam DEB akan menjejaskan usaha-usaha pemodenan kerana kita sedang bersedia untuk memasuki tahun lapan puluhan.

Menurut beliau, tanda-tanda yang wujud sekarang jelas membayangkan kemungkinan itu, seperti:

- Rasa benci kepada kerja-keras semakin meningkat dan kekurangan perhatian terhadap kebaikan apa yang kita lakukan.

- Kurangnya kebanggaan seseorang terhadap kerjanya dan tren sekarang ialah lebih cenderung kepada meniru daripada mencipta.

- Kekurangan perhatian atau minat terhadap kebajikan awam dan lain-lain lagi.

Beliau menganggap timbulnya keadaan demikian adalah kekurangan kekuatan moral pada orang-orang yang tidak mahu mengaku adanya masalah itu sekalipun masalah-masalah tersebut memang wujud.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, para pemimpin masyarakat, baik dalam bidang perniagaan, sektor kerajaan ataupun awam atau pun dalam pertumbuhan-pertumbuhan masyarakat, mempunyai tanggungjawab mengakui masalah ini dan memainkan peranan mereka untuk mengatasinya.

"Sekalipun kita bekerja dari satu rancangan nasional kepada yang

lain, kita tidak mahu melihat suatu generasi Malaysia berkembang di mana hak dan tanggungjawab diputarbelitkan maknanya untuk mereka, dan juga orang perseorangan mengangap atau menyangka masyarakat ini terhutang sesuatu kepadanya."

Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan rakyat Malaysia mestilah menyedari akan tugas-tugas dan tanggungjawab mereka kepada masyarakat, bersedia untuk memberi s u m b a n g a n melaksanakannya dan menentang mereka yang cuba menentangnya.

Menilai

Katanya, kita mesti menilai atau menghargai mereka yang berjuang untuk kebaikan dan menggalakan orang yang boleh mengatasinya.

"Kita mesti menentang sebarang perbuatan rasuah.

"Di mana-mana juga, semangat penglibatan

yang lebih besar mesti diwujudkan untuk kerja etik kerja yang baru dan mencari pendekatan yang lebih saintifik terhadap masalah-masalah yang wujud," tambah beliau.

Kat: beliau, jika rakyat jelata sanggup memainkan peranan masing-masing di samping menjejak pertumbuhan ekonom, maka "kita akan beraya menyusun semula masyarakat menjelang tahun 1990 dan menambahkan kestabilan serta keupayaan pertumbuhan ekonomi yang leboh pesat."

Timbalan Perdana Menteri berata sejarah telah menunjukkan bahawa pertumbuhan ekonomi sahaja tidaklah cukup bagi suah negara untuk mencapai kemajuan kearah modernisasi.

"Ia mesti disertai dengan orientasi semula dalam pemikiran dan etik kerja rayatnya, serta satu keedaran baru yang boleh memberi semangat, tujuan dan makna kepada kemajuan materil yang sedang diusahaka."

Timbalan Perdana Menteri berkata DEB mesti diteruskan, ia bukanlah satu asar yang memberi apa-apa golongan tertentu, tetapi satu dasar untuk negara Malaysia.